BIL. 17 | Oktober 2023

# Berita PESUTM

**Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia**

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.




Peraturan pembayaran balik perubatan oleh Kerajaan Persekutuan kepada pesara adalah tertakluk kepada Perintah Am Bab F Tahun 1974 yang menetapkan bahawa pesara dan tanggungannya yang layak boleh diberikan kemudahan perubatan percuma di hospital/klinik kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kemudahan perubatan tersebut tidak dapat dibekal/disediakan oleh hospital/klinik kerajaan, pesara boleh mendapatkan kemudahan tersebut di hospital/klinik/agensi swasta atas.

**SKUDAI** | 31 Oktober (Selasa)

## TAKLIMAT PERUBATAN PESARA

Seramai 11 AJK Persatuan Pesara UTM (PESUTM) termasuk Yang Dipertua Persatuan Pesara UTM, YBhg Datuk Prof. Emeritus Dr. Ahmad Darus hadir dalam sesi taklimat "Perubatan Pesara" yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar hari ini. Taklimat disampaikan oleh Puan Nurnasuha Alwi, Pegawai Tadbir (NA44) yang merupakan pegawai bertanggungjawab menguruskan hal-ehwal perubatan staf dan pesara UTM.

Bagi PESUTM pendekatan yang diambil ialah sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan ahli jawatankuasa memahami dengan jelas aspek perubatan kerana aspek ini amat dekat dalam hidup pesara kerana itu sering berbangkit atau kerap ditanya oleh para pesara UTM, terutama soal kemudahan perubatan apa yang layak pesara dapat, serta kaedah mengemukakan tuntutan daripada perbelanjaan yang telah digunakan. Justeru, menerusi taklimat ini diharapkan ahli jawatankuasa mampu memahami dengan mendalam dan kesan daripada pemahaman yang baik ini pastinya membolehkan ahli jawatankuasa menjadi pemudahcara yang berkesan dalam memberi pencerahan sebarang pertanyaan/kemusykilan yang dibangkitkan oleh pesara sama ada ahli persatuan mahupun pesara bukan ahli persatuan.

Sesi taklimat ini diadakan bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara Bil. 4/2023. Atur cara dimulakan terlebih dahulu dengan taklimat oleh Puan Nurnasuha Alwi mengambil masa sekitar sejam termasuk sesi soal jawab. Antara perkara yang dijelas dan dibicarakan oleh Puan Nurnasuha ialah:

1. Apakah kemudahan perubatan yang disediakan kepada pesara?
2. Siapa yang layak ditanggung dan kemudahan apa yang layak diperoleh. Termasuk ibu bapa pesara yang akan dibawa ke pengetahuan JPU untuk kelulusan.
3. Tempat kemudahan perubatan yang layak bagi pesara – kecuali klinik panel dan pergigian.


**AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025**

**YANG DIPERTUA**
Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus

**TIMBALAN YANG DIPERTUA**
Tuan Haji Salleh Mohamad

**SETIAUSAHA**
Saudara Roslan Abd Ghani

**PENOLONG SETIAUSAHA**
Haji Ansar Sidek

**BENDAHARI**
Haji Jamaludin Harun

**PENOLONG BENDAHARI**
Dr.Hafizah Harun

**BIRO SERANTA**
Haji Khalid Mazlan | **Ketua**
Haji Bakri Mohd Dahlan
Cik Siti Zaiton Borham

**BIRO EKONOMI**
Puan Kasuma Masjuriah B. Basar |**Ketua**
Prof. Emeritus Dr.Ahmad Kamal Idris
En. Muhamad Saad Sulaiman
Puan Faridah Hussein
En. Abdul Hadi Othman
En. Othman Adon

**BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL**
Haji Dahari Derani | **Ketua**
Haji Zainal Abidin Hassan
Puan Abrizah Abd. Rahim
Puan Ramlah Husin
En. Abdul Wahab Laberahimah
En. Razali Jantan

**BIRO KHIDMAT PROFESIONAL**
Haji Ismaal Samat | **Ketua**
Haji Zainul Rashid Abu Bakar
Haji Md Noh Main
En. Mohd Sofian Mohd Amran
Haji Abdul Razib Haji Shahuddin





**SIDANG REDAKSI** | **Haji Khalid Mazlan** (Editor & Pereka Bentuk) I **Haji Bakri Mohd Dahlan** (Jurufoto) I **AJK PESUTM** (Pembekal Sumber Maklumat)
Laman Sesawang: https://pesara.utm.my/ | Facebook: https://www.facebook.com/PESUTM | https://www.facebook.com/pesarautm/ |
e-mel:pesara@utm.my

- Prosedur dan pembahagian tanggungjawab mengenai tuntutan perubatan pesara Awam Persekutuan dan tanggungjawab yang layak.
- Had kos rawatan pesakit luar (Klinik Panel & Pusat Kesihatan Universiti) – RM1500. (Merujuk Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2/2023).
- Peraturan pembayaran balik perubatan
- Permohonan perbelanjaan bagi kemudahan perubatan
- Tatacara Permohonan Rawatan Kepakaran (Tatacara permohonan uabat/ alat/ perkhidmatan perubatan dan rawatan
- Jenis rawatan – rawatan kepakaran, rawatan kecemasan, rawatan di IJN, rawatan di luar negara
- Borang Perubatan 1/09 : Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 2009 (Ubat / Alat/ Perkhidmatan Perubatan/ Rawatan)
- Proses penerima borang oleh BPO dan jawapan balas penerimaan oleh BPO kepada pesara.
- Menjadikan Panduan Kemudahan Perubatan bagi Pesara daripada sumber BPO (terangkum staf dan pesara) mesra pengguna.


**UBAT/ ALAT/ PERKHIDMATAN PERUBATAN/ RAWATAN**

**Arahan:** i. Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**.
ii. Sila rujuk **panduan** yang disediakan bagi butiran yang berkaitan.

**BAHAGIAN I**

**Butiran Diri Pegawai/ Pesara**

1. Nama Penuh (*seperti dalam kad pengenalan/ pasport*)
2. No. Kad Pengenalan/ Pasport
3. Skim Perkhidmatan/ Gred
4. Pegawai Di Bawah SSB/ SSM — Ya / Tidak

**Butiran Diri Pesakit** (*sekiranya pesakit* **bukan** *pegawai/ pesara*)

5. Nama Penuh (*seperti dalam kad pengenalan/ pasport/ sijil kelahiran*)
6. No. Kad Pengenalan/ Pasport/ Sijil Kelahiran
7. Hubungan Pesakit Dengan Pegawai/ Pesara
8. Maklumat Tambahan Bagi **Anak**
   i. Umur — tahun — bulan
   ii. Daif — Ya — Tidak
   iii. Masih Bersekolah — Ya — Tidak

**BAHAGIAN II**

**Butiran Rawatan Dan Tuntutan Perbelanjaan**

9. Rawatan Di Hospital/ Klinik Kerajaan
   i. Nama & Alamat Hospital/ Klinik Kerajaan
   ii. Tarikh Rawatan (*hari*) (*bulan*) (*tahun*)
10. Pembekal Kemudahan Perubatan
   i. Nama & Alamat Hospital/ Agensi Swasta
   ii. Tarikh Kemudahan Perubatan Diperolehi (*hari*) (*bulan*) (*tahun*)
11. Kategori Tuntutan i. ii. iii. iv.
12. Senarai Tuntutan (*sila gunakan lampiran sekiranya perlu*)

| Bil. | Nama Ubat/ Alat/ Perkhidmatan Perubatan/ Rawatan | No. Rujukan Dokumen Kewangan | Harga (RM) |
|---|---|---|---|
| | | | |
| | | | |













Perintah Am Bab F (Perubatan) Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/klinik Kerajaan.
Kelayakan bagi pesara dan tanggungan yang layak adalah seperti berikut:
1. Pesara Awam Persekutuan
2. Suami/ Isteri
3. Balu/ Duda (dianggap keluarga pesara selagi tidak berkahwin semula)
4. Anak:
i. berumur di bawah 18 tahun; atau
ii. sekiranya masih bersekolah, di bawah umur 21 tahun; atau
iii. anak yang daif disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani dan tidak
diri sendiri, tidak kira apa jua umurnya dengan syarat kecacatan tersebut
mencapai umur 21 tahun.
Kemudahan perubatan yang diperuntukkan adalah berdasarkan Pekeliling
Tahun 2009 – Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan dan di
dibenarkan adalah pembekalan ubat dan alat perubatan serta kemudahan rawatan
Pemanjangan kemudahan perubatan untuk ibu bapa yang sah kepada
Persekutuan yang berpencen
Mulai 1 Januari 2018, ibu bapa pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang
menikmati kemudahan perubatan percuma di hospital kerajaan. Pemberian ini
oleh ibu bapa pegawai Awam Persekutuan yang meninggal dunia di dalam